

TRC dapat kontrak MRT RM178j

KUALA LUMPUR 28 Mac - TRC Synergy Bhd. memperoleh dua kontrak bernilai RM178.19 juta daripada Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) menerusi unitnya, Trans Resources Corporation Sdn. Bhd.

Kontrak pertama yang bernilai RM103.8 juta adalah bagi pembinaan dan penyiapan Pasar Seni Paid Link dan kerja berkaitan lain antara Stesen LRT Pasar Seni sedia ada dan Stesen KTM Kuala Lumpur bagi Projek Transit Aliran

Berkapasiti Tinggi Lembah Klang: Penjajaran Sungai Buloh-Kajang, kata syarikat itu dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia.

Kontrak kedua yang bernilai RM74.398 juta adalah untuk mengubahsuai dan memulihara Blok A & C bangunan Sultan Abdul Samad.

Syarikat itu berkata, projek-projek tersebut akan memberi sumbangan positif kepada pendapatan masa depan dan pendapatan sesaham TRC Group. - **BER-**

NAMA